

14/04/1997

PM Mesir mula lawatan rasmi tiga hari

SUBANG, Ahad - Perdana Menteri Mesir, Dr Kamal Ahmed El-Ganzoury, tiba di sini malam ini untuk lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah (LTASS) disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi. Dr Kamal akan diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen esok.

Beliau dijadual mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Jabatan Perdana Menteri esok sebelum mengadakan rundingan dua hala.

Dr Kamal kemudian akan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar, di Istana Negara, di sini.

Beliau juga akan menghadiri taklimat di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan melawat Menara Kuala Lumpur.

Dr Kamal akan dirai oleh Dr Mahathir pada majlis jamuan di Sri Perdana malam esok.

Beliau juga akan melawat ke Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) Selasa ini, diikuti dengan ceramah sambil jamuan tengah hari bersama anggota Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia di sini.

Dr Kamal kemudian akan berlepas ke Singapura. - Bernama

(END)